

KONSEP KELUHURAN AL-QURAN SEBAGAI PERLEMBAGAAN HIDUP DAN MANIFESTASINYA TERHADAP RAHMAT SEKALIAN ALAM

(Concept the Greatness of al-Quran as a Constitution of Life and Its Manifestation towards
Mercy for All Nature)

MUHAMMAD FAHMI BIN MD RAMZAN & NURFARHANA BTE MOHD DAUD

ABSTRAK

Artikel ini membahaskan konsep keagungan al-Quran sebagai mukjizat serta sumber utama yang seharusnya dijadikan perlembagaan hidup. Al-Quran bukan sahaja menjadi panduan hidup umat Islam, malahan turut menjadi pedoman dan pegangan hidup buat seluruh umat manusia termasuk bangsa jin. Oleh sebab itu, al-Quran menjadi rahmat buat sekalian alam melalui ajaran yang termaktub di dalamnya dan ilmu pengetahuan yang terkandung di dalamnya. Rahmat al-Quran ini selaras dengan wahyu al-Quran yang diturunkan kepada Baginda Nabi ﷺ yang turut menjadi rahmat buat sekalian alam. Justeru, artikel ini cuba untuk menggali bukti-bukti yang menunjukkan bahawa al-Quran merupakan mukjizat yang agung yang menjadi pedoman hidup dan rahmat buat sekalian alam.

Kata kunci: al-Quran; perlembagaan; rahmat

ABSTRACT

This article discusses the concept of the greatness of the Quran as a miracle as well as the main source which is supposed to be a constitution of life. The Quran is not only a guide to the lives of Muslims, it is also a guide and a lifeline to all humanity and even to the jinn. Therefore, the Quran is a blessing to all the world through its teachings as well as the knowledge it contains. The grace of the Quran is in line with the revelation of the Quran to His Prophet who is also a universal mercy. Therefore, this article seeks to dig into the evidence that shows the Quran is a great miracle and a guide for life and mercy for all the world.

Keywords: al-Quran; constitution; mercy

1. Pendahuluan

Apabila kita berbicara tentang al-Quran, kita tidak akan pernah mencapai kesudahannya kerana al-Quran mengandungi pelbagai kisah semenjak zaman silam sehingga masa akan datang, hukum-hakam, rahsia alam, serta pelbagai ilmu yang menjadi panduan dan aturan bagi kehidupan umat manusia.

Al-Quran mempunyai peranan yang sangat penting untuk kelangsungan hidup umat manusia di dunia. Hal ini demikian kerana segala persoalan hidup manusia, sebahagian besar jawapannya dapat ditemui di dalam al-Quran. Oleh yang demikian, tidak hairanlah mengapa al-Quran sering kali menjadi rujukan bukan sahaja oleh orang Islam, bahkan oleh orang bukan Islam juga.

Bagi orang Islam, al-Quran ialah pedoman hidup, dan menjadi sumber bagi segala peraturan hidup yang perlu dipatuhi. Apa juga peraturan, pendapat atau fatwa ulama' tidak boleh bertentangan dengan al-Quran. Jika terdapat perbezaan pendapat antara umat Islam termasuk pendapat para ulama', maka al-Quran perlu dirujuk agar umat Islam tidak saling berselisih. Al-Quran juga memberikan petunjuk yang lengkap bagi setiap peraturan dan perjalanan hidup manusia secara universal agar seluruh umat manusia dapat menciptakan kehidupan yang aman, tenteram, bahagia dan sejahtera.

2. Keluhuran al-Quran

Apabila makna al-Quran ditelusuri, ia bermaksud kalam Allah (terdiri daripada 114 surah dan mempunyai 30 juzu') yang diturunkan kepada Nabi Muhammad ﷺ. Majoriti ayatnya diturunkan di Makkah dan sebahagian lagi diturunkan di Madinah, (Jama'ah min Kibar al-Lughawiyin al-'Arab, 2003). Al-Quran diturunkan kepada Nabi Muhammad ﷺ dalam bahasa Arab secara *mutawatir*, dan kemudiannya ditulis dalam mushaf yang dipindahkan daripada satu generasi kepada satu generasi. Al-Quran dimulai dengan surah al-Fatihah dan berakhir dengan surah al-Nas, dan sesiapa yang membacanya akan mendapat pahala (Al-Qattan, 1981).

Al-Quran menjadi salah satu mukjizat terbesar yang diturunkan kepada baginda Nabi Muhammad ﷺ. Al-Quran juga disebut sebagai *Umm al-Mu'jizat* (induk semua mukjizat) kerana jika al-Quran ini dibandingkan dengan mukjizat nabi-nabi lain, al-Quran ialah mukjizat terbesar (Dewan Bahasa & Pustaka, 2004). Mukjizat al-Quran ini begitu besar, sehingga jika ia diturunkan di atas sebuah gunung, nescaya akan hancur (gunung itu) kerana takut. Hal ini dijelaskan melalui firman Allah Ta'ala:

لَوْ أَنْزَلْنَا هَذَا الْقُرْآنَ عَلَىٰ جَبَلٍ لَّرَأَيْنَاَهُ خَشِيْعًا مُّتَصَدِّعًا مِّنْ خَشْيَةِ اللَّهِ وَتِلْكَ الْأُمَمُ نَضْرِبُهَا لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ

Maksudnya: “*Kalau sekiranya Kami turunkan al-Quran ini kepada sebuah gunung, pasti kamu akan melihat gunung itu akan tunduk hancur berantakan disebabkan ketakutannya kepada Allah. Dan perumpamaan-perumpamaan itu Kami buat untuk manusia supaya mereka berfikir.*”

(Surah al-Hasyr 59: 21)

Ayat di atas menggambarkan bahawa apabila gunung yang merupakan ‘objek yang tidak bernyawa’, mendengar *kalamullah* dan memahaminya, nescaya ia akan tunduk dan terpecah belah kerana takut akan Allah. Namun, bagaimana pula dengan kita (manusia)? Padahal, kita telah mendengarnya dan memahaminya!

Al-Quran merupakan *kalamullah* yang luhur dan suci. Jika kalimah keluhuran sering digandingkan dengan perlembagaan yang membawa maksud ketinggian dan keagungan sesuatu undang-undang atau perlembagaan itu sendiri sehingga menempatkannya sebagai undang-undang tertinggi yang menjadi sumber bagi semua undang-undang, keluhuran al-Quran pula boleh dikatakan sebagai kemuliaan dan keagungan al-Quran sebagai petunjuk dan peraturan kehidupan tertinggi yang mengatasi peraturan kehidupan yang lain dan menjadi sumber utama bagi kehidupan seluruh umat manusia.

Keluhuran al-Quran terbukti melalui kemukjizatnya. Kemukjizatnya tidak hanya terjadi ketika Nabi Muhammad ﷺ masih hidup, malahan setelah Nabi ﷺ wafat juga. Mukjizat al-Quran tidak akan pernah tertanding. Mukjizat al-Quran dilihat dari pelbagai sudut, baik dari sudut keindahan bahasa dan susunan kalimatnya yang tidak ada retak dan janggalnya, mahupun dari cara melakarkan tamsil dan ibaratnya yang meruntun jiwa, menggambarkan sejarah bermacam-macam umat yang punah-ranah dan cara menyampaikan ajaran dan peringatan yang penuh hikmah menjadikannya sebuah kitab yang tidak akan dapat disamakan dengan apa juga ciptaan manusia. Bahkan, al-Quran tidak akan mampu ditandingi oleh sekumpulan manusia mahupun jin sekalipun. Hal ini telah dijelaskan melalui firman Allah Ta'ala seperti berikut:

قُلْ لئن أَجْتَمَعَتِ الْإِنسُ وَالْجِنُّ عَلَىٰ أَنْ يَأْتُوا بِمِثْلِ هَذَا الْقُرْآنِ لَا يَأْتُونَ بِمِثْلِهِ وَلَوْ كَانَ بَعْضُهُمْ لِبَعْضٍ ظَهِيرًا

Maksudnya: "Katakanlah (wahai Muhammad), "Sesungguhnya jika sekalian manusia dan jin berhimpun dengan tujuan hendak membuat dan mendatangkan sebanding dengan al-Quran ini, mereka tidak akan dapat membuat dan mendatangkan yang sebanding dengannya, walaupun mereka bantu-membantu sesama sendiri."

(Surah al-Isra' 17: 88)

Al-Quran dikatakan sebuah kitab yang bermukjizat kerana tidak ada makhluk yang akan mampu untuk menghasilkan sebuah kitab yang sebanding dengan tulisan dan isi yang terkandung di dalam al-Quran sekalipun terdapat gabungan dan kesepakatan antara seluruh manusia dan jin. Hal ini demikian kerana perkataan makhluk tidak akan boleh menyamai perkataan Yang Maha Pencipta, yang tiada tandingan dan tara (Al-Maraghi, 1946).

Selain itu, keluhuran al-Quran juga terlihat melalui kesucian dan kemurniaan al-Quran yang dijamin terpelihara sehingga waktu yang tidak terbatas kerana Allah Ta'ala memelihara dan menjaganya. Hal ini turut dijelaskan dalam ayat al-Quran seperti yang berikut:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ

Maksudnya: "Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Quran, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya."

(Surah al-Hijr 15: 9)

Inilah jaminan Allah yang terdapat di dalam al-Quran dan tidak terdapat di dalam kitab-kitab lain. Hal ini juga pernah diakui (kebenarannya) oleh pengkaji dan orientalis Barat, William Muir (1923), yang menegaskan bahawa:

"There is probably in the world no other work which has remained twelve centuries with so pure a text."

Maksudnya: "Barangkali tidak ada di dunia ini, kitab lain yang demikian murni naskahnya (sebagaimana al-Quran), masih terpelihara sehingga dua belas abad."

Jaminan tentang penjagaan al-Quran al-Karim oleh Allah menunjukkan bahawa al-Quran merupakan suatu perlembagaan yang telah termaktub dan dijamin oleh Allah Ta'ala tidak akan berlakunya sebarang perubahan dan penyelewengan.

3. Al-Quran Sebagai Perlembagaan Hidup

Ayat-ayat al-Quran yang termaktub di dalam sebuah kitab yang disebut sebagai mushaf al-Quran, telah menjadikannya suatu perlembagaan bertulis yang paling agung dalam sejarah peradaban manusia. Tokoh pemikir Muslim, Hasan al-Banna (1999) pernah berkata bahawa:

"Al-Quran al-Karim adalah sebuah perlembagaan yang lengkap merangkumi seluruh hukum Islam. Al-Quran adalah sumber yang mencurahkan segala kebaikan dan ilmu ke dalam hati orang yang beriman. Al-Quran adalah alat yang terbaik untuk para ahli ibadat mendekati diri kepada Allah SWT dengan cara membacanya."

Hebatnya al-Quran yang menjadi perlembagaan hidup manusia sehinggakan Nabi 'Isa 'alaihi salam yang turun pada akhir zaman kelak juga akan berhukum dengan al-Quran dan syariat Nabi Muhammad ﷺ, walaupun Nabi 'Isa dilahirkan lebih awal daripada Nabi Muhammad ﷺ dan kitab Injil diturunkan lebih awal daripada kitab al-Quran.

Al-Quran sebagai perlembagaan hidup bermaksud ia menggariskan asas-asas peraturan hidup, menjadi pedoman bagi kehidupan seluruh umat manusia. Hanya kitab al-Quran sahaja yang layak dijadikan perlembagaan hidup, yang petunjuknya tersebar ke segenap penjuru kehidupan.

Secara *mafhum mukhalafah* (pemahaman terbalik), seseorang yang tidak menjadikan isi al-Quran sebagai suatu perlembagaan (pedoman dan petunjuk), hidupnya akan menjadi tidak teratur, berantakan dan boleh mengakibatkan terjerumus ke dalam lembah kesesatan.

Realitinya, ramai kalangan umat Islam sendiri yang telah jauh daripada al-Quran pada hari ini. Mereka mengabaikan al-Quran, tidak membacanya, atau hanya membaca al-Quran tanpa memahami dan mengamalkan ajaran dan petunjuk yang terkandung di dalamnya. Hal ini ternyata telah digambarkan melalui firman Allah Ta'ala perihal doa Nabi Muhammad ﷺ yang berasa bimbang terhadap kaumnya yang meninggalkan al-Quran.

وَقَالَ الرَّسُولُ يَا رَبِّ إِنَّ قَوْمِي اتَّخَذُوا هَذَا الْقُرْآنَ مَهْجُورًا

Maksudnya: “Dan berkatalah Rasul: “Wahai Tuhanku, sesungguhnya kaumku telah menjadikan al-Qur'an ini satu perlembagaan yang ditinggalkan, tidak dipakai.”

(Surah al-Furqan 25: 30)

Ayat di atas menggambarkan luahan hati Rasulullah ﷺ kepada Allah tentang sikap kaumnya yang meninggalkan dan mengabaikan al-Quran, padahal mereka wajib tunduk kepadanya (al-Quran), mendatangi hukum-hukumnya dan berjalan mengikutinya (Ibnu Kathir, 2015).

Ayat ini juga menunjukkan sikap prihatin dan kasih Rasulullah ﷺ terhadap kaumnya yang mungkin terjerumus ke dalam kesesatan kerana mengabaikan petunjuk al-Quran. Rasulullah ﷺ juga amat cakna tentang umatnya dan memerintahkan supaya umatnya sentiasa berpegang teguh pada ajaran al-Quran. Hal ini terakam melalui hadith Baginda ﷺ yang bermaksud

Daripada Ibn Akhi al-Harith al-A'war katanya, “Aku melewati masjid, manakala orang ramai sedang tenggelam dalam perbualan mereka yang batil. Lalu aku masuk menemui Ali dan aku berkata, “Wahai Amirul Mukminin, apakah anda tidak perhatikan bahawa orang ramai sedang tenggelam dalam percakapan.” Katanya: “Sesungguhnya mereka telah pun melakukannya?” Katak, “Benar.” Ali berkata, “Adapun aku sesungguhnya telah mendengar Rasulullah ﷺ bersabda, “Ingatlah sesungguhnya akan terjadi fitnah.” Lalu aku (Ali) bertanya, “Apakah jalan keluar daripada fitnah itu wahai Rasulullah?” Jawab Nabi, “Kitab Allah, dalamnya ada perkhabaran apa yang berlaku sebelum kamu, juga perkhabaran yang akan berlaku selepas kamu; hukum ketetapan di kalangan kamu, al-Quran adalah kata pemutus yang benar, bukan olok-olok, sesiapa yang meninggalkannya kerana keangkuhan, nescaya Allah akan membinasakannya, sesiapa yang mencari petunjuk pada yang selainnya akan disesatkan oleh Allah, ia (al-Quran) adalah tali Allah yang kukuh, pengingat yang bijaksana, ia adalah jalan yang lurus, dialah yang tidak sekali-kali boleh diselewengkan hawa nafsu, mudah disebut oleh lidah-lidah, para ulama sentiasa tidak puas-puas (mengkaji, meneliti dan membacanya), tidak merasa jemu dengan banyak mengulangi (bacaannya), tidak berkesudahan keajaibannya, dialah yang para jin tidak tertahan apabila mendengarnya hingga mereka berkata, (Sesungguhnya kami telah mendengar bacaan yang menakjubkan, yang membawa

kepada pertunjuk, lantas kami beriman dengannya), sesiapa yang berkata-kata dengannya (al-Quran) nescaya akan benarlah (perkataannya), sesiapa yang beramal dengannya diberi ganjaran pahala, sesiapa yang berhukum dengannya akan berlaku adil, barangsiapa yang menyeru kepadanya akan diberi pertunjuk ke jalan yang lurus. Berpeganglah kepada al-Quran ini wahai A'war."

(HR. Tirmidzi, no. 2831)

4. Rahmat al-Quran Terhadap Sekalian Alam

Selain memerintahkan umat Islam supaya berpegang teguh pada ajaran al-Quran, Nabi Muhammad ﷺ juga sangat menganjurkan umatnya agar sentiasa meneliti dan mengkaji isi al-Quran kerana ia merupakan rahmat bagi sekalian alam. Rahmat seperti yang dibincangkan oleh para ulama' bermaksud kasih sayang. Oleh yang demikian, al-Quran ialah kitab yang mempromosikan kasih sayang kepada semua makhluk Allah Ta'ala, manakala Rasulullah ﷺ diutuskan oleh Allah sebagai pembawa rahmat bagi sekalian alam. Hal ini dijelaskan melalui firman Allah dalam ayat yang berikut:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

Maksudnya: "Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam."

(Surah al-Anbiya' 21: 107)

Ayat di atas bermaksud bahawa Allah Ta'ala tidak mengutuskan Baginda Nabi Muhammad ﷺ melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam. Rahmat itu juga meliputi al-Quran yang diturunkan kepada Baginda ﷺ. Dalam hal ini, Allah Ta'ala berfirman bahawa:

وَمَا كُنتَ تَرْجُوا أَن يُلْقَىٰ إِلَيْكَ الْكِتَابُ إِلَّا رَحْمَةً مِّن رَّبِّكَ

Maksudnya: "Dan engkau (wahai Muhammad) tidak pernah berharap supaya Kitab al-Quran ini diturunkan kepadamu, (tetapi ia diturunkan kepadamu) hanyalah sebagai rahmat dari Tuhanmu."

(Surah al-Qasas 28: 86)

Dengan kata lain, al-Quran diturunkan untuk menjadi rahmat bukan sahaja untuk orang beriman, bahkan buat seluruh umat manusia. Sebagai petunjuk dan rahmat daripada Allah, maka al-Quran mengandungi pelbagai panduan, ilmu pengetahuan, peringatan dan ancaman buat umat manusia agar sentiasa menjalani kehidupan berasaskan aturan yang telah ditetapkan Allah. Dalam hal ini, Allah Ta'ala berfirman:

بِالْبَيِّنَاتِ وَالزُّبُرِ وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الذِّكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نُزِّلَ إِلَيْهِمْ وَلَعَلَّهُمْ يَتَّقُونَ

Maksudnya: "(Kami utuskan rasul-rasul itu) membawa keterangan-keterangan yang jelas nyata (yang membuktikan kebenaran mereka) dan Kitab-kitab Suci (yang menjadi panduan); dan kami pula turunkan kepadamu (wahai Muhammad) al-Quran yang memberi peringatan, supaya engkau menerangkan kepada umat manusia akan apa yang telah diturunkan kepada mereka, dan supaya mereka memikirkannya."

(Surah al-Nahl 16: 44)

Dalam ayat yang lain, Allah Ta'ala turut berfirman:

تَبَارَكَ الَّذِي نَزَّلَ الْفُرْقَانَ عَلَىٰ عَبْدِهِ لِيَكُونَ لِلْعَالَمِينَ نَذِيرًا

Maksudnya: “Maha Suci Allah yang telah menurunkan al-Furqan (al-Quran) kepada hambaNya (Muhammad), untuk menjadi peringatan bagi sekalian alam.”

(Surah al-Furqan 25: 1)

Ayat di atas jelas menunjukkan bahawa al-Quran merupakan perlembagaan yang bersifat universal, manifestasi kepada rahmat sekalian alam, yang diturunkan untuk semua umat manusia, tanpa membezakan warna kulit, bahasa, ras, bangsa dan etnik, bahkan kepada bangsa jin juga.

Salah satu rahmat terbesar al-Quran yang menjadi perlembagaan hidup seluruh makhluk ialah ilmu pengetahuan. Berhubung dengan ilmu pengetahuan, al-Quran sendiri menjelaskan bahawa ilmu pengetahuan dan pelajaran yang terkandung di dalamnya adalah sangat luas. Sebagai bukti, Allah Ta’ala berfirman:

قُلْ لَوْ كَانَ الْبَحْرُ مَدَادًا لَكَلَّمْتُ رَبِّي لِنُفِدَ الْبَحْرُ قَبْلَ أَنْ تَنْفَدَ كَلِمَاتُ رَبِّي وَلَوْ جِئْنَا بِمِطْطَةِ مَدَدًا

Maksudnya: “Katakanlah (wahai Muhammad), "Kalaulah semua jenis lautan menjadi tinta untuk menulis kalimat-kalimat Tuhanku, sudah tentu akan habis kering lautan itu sebelum habis kalimat-kalimat Tuhanku, walaupun Kami tambah lagi dengan lautan yang sebanding dengannya, sebagai bantuan.”

(Surah al-Kahfi 18: 109)

Dalam ayat yang lain, Allah Ta’ala berfirman:

وَلَوْ أَنَّمَا فِي الْأَرْضِ مِنْ شَجَرَةٍ أَقْلَمٌ وَالْبَحْرُ يَمُدُّهُ مِنْ بَعْدِهِ سَبْعَةَ آفَافٍ مِمَّا نَفَذْتُمْ عَلَيْهِمْ كَلِمَاتُ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Maksudnya: “Dan sekiranya segala pohon yang ada di bumi menjadi pena dan segala lautan (menjadi tinta), dengan dibantu kepadanya tujuh lautan lagi sesudah itu, nescaya tidak akan habis kalimat-kalimat Allah itu ditulis. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.”

(Surah Luqman 31: 27)

Dua ayat di atas menunjukkan bahawa al-Quran merupakan sumber segala ilmu pengetahuan dan pelajaran bagi kehidupan manusia. Jika kita benar-benar menghayati ayat-ayat tersebut, maka kita akan mendapati bahawa hakikatnya, al-Quran dapat dijadikan sebagai pedoman dan kompas yang sempurna bagi semua aspek kehidupan manusia.

Al-Quran juga merangsang pemikiran manusia agar sentiasa memerhati dan meneliti alam sebagai manifestasi kekuasaan Allah. Berdasarkan kajian dan penelitian terhadap fenomena alam, maka lahirlah pelbagai ilmu pengetahuan. Dalam hal ini, al-Quran berperanan dan berfungsi sebagai motivasi dan menjadi inspirasi bagi para pembaca melalui kajian dan pengamalannya.

Berdasarkan wahyu yang pertama yang diturunkan kepada Rasulullah ﷺ Allah Ta’ala telah mendorong manusia agar menggali ilmu pengetahuan melalui kalimat (اقْرَأْ) sepertimana yang termaktub dalam surah al-‘Alaq yang bermaksud “bacalah”. Pada awal surah tersebut juga, diabadikan kalimat (اقْلَم) yang bermaksud pena, yang menjadi lambang ilmu pengetahuan. Bertitik tolak daripada wahyu tersebut, pelbagai ilmu pengetahuan bercambah melalui semangat spiritual dan intelektual yang wujud di dalam al-Quran al-Karim.

Dengan kata lain, semakin banyak ayat-ayat al-Quran itu digali, semakin terbongkar ilmu pengetahuan yang ada di dalamnya. Hal ini jelas menunjukkan bahawa al-Quran merupakan suatu perlembagaan hidup yang menjadi rahmat buat sekalian alam.

5. Penutup

Sesungguhnya, al-Quran tidak boleh dipisahkan daripada kehidupan. Al-Quran merupakan *kalamullah* yang mengandungi kebenaran yang abadi, yang dapat diibaratkan sebagai cahaya (nur) yang menjadi penyuluh bagi kehidupan manusia.

Al-Quran mengungkapkan kebenaran yang menjadi nadi kekuatan, menjana perubahan serta memuatkan pelbagai bimbingan dengan syarat umat Islam khususnya dan umat manusia amnya mahu mengambil segala isi kandungannya sebagai petunjuk dan perlembagaan hidup.

Kejayaan Rasulullah ﷺ membangkitkan bangsa yang jahil dan buta huruf menjadi umat pelopor dan pencetus generasi yang bertamadun melalui pembudayaan al-Quran sebagai sumber aturan kehidupan dan ilmu pengetahuan menjadi bukti yang cukup kuat bahawa al-Quran ialah panduan dan pedoman yang cukup lengkap.

Oleh yang demikian, untuk memastikan al-Quran dijunjung tinggi sebagai suatu perlembagaan hidup, setiap petunjuk dan peraturan yang terkandung di dalamnya perlu ditekuni, dikaji dan diteladani supaya dapat melahirkan umat manusia yang berwawasan dan bertindak benar dalam amalan.

Rujukan

- Al-Banna, Hassan. 1999. *Selected Writings of Hasan al-Banna Shaheed*. Qureshi, S.A. (Terj.). New Delhi: Wajih Uddin.
- Al-Maraghi, Ahmad Mustafa. 1946. *Tafsir al-Maraghi*. Kaherah: Mustafa al-Bab al-Halabi.
- Al-Qattan, Manna' Khalil. 1981. *Mabahith fi 'Ulum al-Quran*. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tauzi'.
- Al-Quran al-Karim.
- Al-Tirmidzi, Abu 'Isa Muhammad ibn 'Isa al-Sulami al-Darir al-Bughi. 1978. *Sunan al-Tirmidzi, Bab ma Ja'a fi Fadl al-Quran*. Muhammad Syakir, Ahmad (Pnys.). Kaherah: Matba'ah Musthofa al-Bab al-Halabi.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2004. *Ensiklopedia Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibnu Kathir, Abu al-Fida' Imaduddin Isma'il bin Umar. 2015. *Tafsir al-Qur'an al-'Azhim*. Solo: Insan Kamil.
- Jama'ah min Kibar al-Lughawiyin al-'Arab. 2003. *Al-Mu'jam al-'Arabi al-Asasi*. Tunisia: Muassasah Larus al-'Alamiyyah.
- Muir, William. 1923. *The Life of Muhammad*. Edinburg: J. Grant.

Muhammad Fahmi Bin Md Ramzan & Nurfarhana Bte Mohd Daud

*Jabatan Siasah Syar'iyah
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur
E-mail: fahmi_ramzan@yahoo.com**

*Akademi Pengajian Islam Kontemporari
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Johor
85000 Segamat, Johor
E-mail: nurfarhanamohddaoud@gmail.com*

* Corresponding author